

LAMPIRAN G.2

GARISPANDUAN UNTUK PENGAWALAN PEMAJUAN KAWASAN JALAN SCOTLAND (DARI PERSIMPANGAN JALAN BATU GANTUNG KE PERSIMPANGAN JALAN AYER HITAM)

1.0 Kawasan Pemakaian

Garispanduan yang dicadangkan akan terpakai kepada kawasan di sebelah barat Jalan Scotland di antara Jalan Batu Gantung dan Jalan Ayer Hitam.

2.0 Jenis Pemajuan

Untuk lot-lot yang berhadapan Jalan Scotland dari persimpangan Jalan Batu Gantung ke persimpangan Jalan Ayer Hitam, selain daripada lot-lot yang mana kegunaan sediaada ialah institusi dan sekolah, hanya pemajuan kediaman dibenarkan dan dihadkan kepada rumah-rumah jenis rumah sesebuah dan rumah pangsa mewah. Untuk lot-lot yang berhadapan bahagian Jalan Scotland di sebelah Solok Scotland dari Sungai Ayer Hitam ke persimpangan Jalan Ayer Hitam dan lot-lot yang berhadapan Solok Scotland, jenis rumah sesebuah, sebandung dan rumah pangsa mewah dibenarkan.

3.0 Kawalan Ketumpatan

Ketumpatan yang dibenarkan untuk pemajuan perumahan ialah tidak lebih dari 15 unit seekar. Ketumpatan maksima 30 unit seekar boleh diberi bergantung kepada kesesuaian setiap kes dan tertakluk kepada bayaran pemajuan mengikut garispanduan yang sediaada.

4.0 Kawalan Ketinggian

~~Untuk lot-lot berhadapan Jalan Scotland dan Solok Scotland, nisbah ketinggian sesebuah bangunan yang dicadangkan ke jarak yang terdekat dari mana-mana bahagian bangunan itu ke tepi simpanan jalan baru hendaklah tidak lebih dari nisbah 2:3.~~

5.0 Tatasusunan Jalan dan Garisan Bangunan.

Tatasusunan jalan dan garisan bangunan adalah seperti yang ditunjukkan dalam pelan no. MPPP/PN-014(PG/JS)(F1/89).

6.0 Anjakan Bangunan Tinggi

Tinggi Bangunan		Jarak Jauh Minima (diukur dari sempadan lot hingga unjuran paling jauh bangunan itu)
Sehingga	4 tingkat	10 kaki
	5 tingkat	15 kaki
	6 tingkat	20 kaki
Lebih dari	7 tingkat	20 kaki

7.0 Pengekalan Pokok dan Lanskap

Pokok-pokok sediada di tepi jalan Scotland dan pokok-pokok besar yang berwarisan di tapak pemajuan hendaklah dikekalkan. Pemaju dikehendaki melanskap kawasan yang berhadapan Jalan Scotland.

8.0 Pemakaian Garispanduan

Garispanduan hendak dipakai di atas semua permohonan untuk kebenaran pemajuan atau pelan bangunan dalam kawasan ini yang dikemukakan atau masih dalam pertimbangan pada atau selepas tarikh garispanduan ini diterimapakai oleh Majlis.

Nota

1. Diluluskan oleh MJTA pada 14.12.1989
2. Pembatalan perkara 4.0 telah disahkan di Mesyuarat Biasa Majlis (MBM) pada 24.11.2016